

-Malaysia minta jaminan Filipina

Oleh Lichong Angkui dan Shamsul Kamal
Amaruddin' BH 20 SEP 2000

KOTA KINABALU, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mahu Filipina memastikan keselamatan tiga tebusan rakyat Malaysia yang ditahan kumpulan penculik di selatan negara itu.

"Pendirian ini kita sudah sampaikan kepada mereka (Kerajaan Filipina) tetapi mereka sendiri tidak mampu membebaskan tebusan yang bukan dalam kawalan mereka," katanya di Hotel Magellan Sutera di sini sebelum berlepas pulang ke ibu negara petang ini.

Sabtu lalu, kerajaan Filipina mengarahkan serangan tentera ke atas kubu kumpulan Abu Sayyaf di Pulau Jolo, selatan Filipina, tempat 22 tebusan disembunyikan, termasuk tiga rakyat Malaysia yang diculik dari Pulau Pandanan, Semporna pada 10 September lalu.

Mangsa culik itu ialah Pengurus Pandanan Sem-

Perdana Menteri harap tindakan Filipina menyerang kubu Abu Sayyaf tidak menjejaskan keselamatan tiga tebusan Malaysia

porna Islan Resort, Mohd Noh Sulaiman, 40; jurulatih selam, Joe Joseph Jongkinoh, 40; dan pekerja syarikat kontrak, Kan Wei Chong, 35.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak boleh campur tangan dengan tindakan Filipina melancarkan operasi tentera ke atas kubu kumpulan Abu Sayyaf itu, kerana ia dilakukan di negara mereka.

Namun, katanya, pegawai kerajaan sentiasa ber-

hubung dan mengikuti perkembangan semasa operasi ketenteraan di selatan Filipina itu.

"Kita tahu apa mereka lakukan, kita tahu kenapa mereka melakukannya. Kita tak boleh masuk campur dalam urusan mereka (Filipina) kerana ia dilakukan di negara mereka sendiri.

"Namun, kita mengharapkan mereka berusaha dan memastikan rakyat kita selamat dan tidak cedera dalam proses itu," katanya.

Dr Mahathir yang belum berpuas hati dengan lang-

kah keselamatan sepanjang sempadan Malaysia-Filipina, khususnya di perairan Sabah, berkata kerajaan mempunyai rancangan meningkatkan keselamatan di kawasan terbabit.

"Kita akan menganggap mereka (rakyat asing) yang memasuki sempadan kita sebagai mencebong kedaulatan negara dan kita akan mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata, walaupun pencerobohan sempadan berlaku di Semenanjung membabitkan pendatang dari Indonesia, kea-

daan di Sabah lebih rumit kerana penceroboh terbabit membawa senjata, justeru kerajaan perlu mengambil tindakan tegas.

"Kita akan pastikan mereka tidak menceroboh sempadan kita sama ada melalui laut atau darat."

Perdana Menteri berkata, isu kebanjiran pendatang asing di Sabah akan ditangani secara berperingkat termasuk menghantar pulang ke negara asal masing-masing.

Menurutnya, kerajaan selama ini bersifat toleransi dengan pendatang de-

ngan membenarkan mereka menggunakan pelbagai kemudahan, termasuk sekolah dan hospital.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan dituduh memberi layanan buruk kepada mereka (pendatang) sedangkan tiada negara membenarkan pendatang menggunakan kemudahan asas.

Dr Mahathir berkata, kehadiran ribuan pendatang asing di negeri itu tidak boleh diselesaikan sekelip mata, sebaliknya mengambil masa.

Mengenai laporan kumpulan Abu Sayyaf adahu-

bungan dengan pendatang di Sabah, beliau berkata: "Saya tak tahu apakah hubungan itu...saya serahkan kepada polis."

Merujuk kepada kes penculikan kedua di Pulau Pandanan, berdekatan pos keselamatan, Dr Mahathir berkata, ini bermakna kawalan keselamatan perlu dipertingkatkan di kawasan terbabit.

Katanya, arahan terbaru yang mana anggota tentera akan membantu polis mengawal perairan Sabah dijangka mampu meningkatkan kawalan di kawasan berkenaan.